

PELAKSANAAN DASAR SEKURITI MAKANAN DI MALAYSIA : KAJIAN DARIPADA PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM¹

The Implementation of Food Security Policy in Malaysia: A Study from an Islamic Economics Perspective

Noorfazreen Mohd Aris²

Asmak Ab Rahman³

ABSTRACT

Food is crucial to all humankind and to obtain an adequate food supply it must either be produced or imported from other countries. This article will discuss the policy that has been implemented by the Malaysian Government in order to ensure an adequate supply of food in Malaysia, namely, the National Agricultural Policy 1984-2010. From an Islamic perspective, this policy is very important for the government to provide direction to the country's agriculture to ensure it follows the right path in supplying food to fulfil the need of the people. With the implementation of these policies it is clear that Malaysia has food sufficiency for certain

¹ Draf awal artikel ini telah dibentangkan pada Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM-V) pada 15-17 Oktober 2010 di Port Dickson.

² Master Candidate, Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, noor_arien84@yahoo.com.

³ Senior Lecturer, Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, asmak@um.edu.my.

foods such as fruits, vegetables, fish, eggs and poultry but still lacks rice, milk and meat.

Keywords: *Food security, Islamic economics, National Agricultural Policy.*

PENDAHULUAN

Satu daripada keperluan asas manusia adalah makanan. Tanpa makanan manusia tidak dapat meneruskan hidup kerana ia membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. Makanan yang baik bukan sahaja mengambil kira kandungan zat yang ada dalam makanan tersebut tetapi aspek segi kebersihan dan halal turut perlu diberi penekanan. Oleh yang demikian, keprihatinan terhadap makanan yang diambil dan menepati kehendak agama perlu ditingkatkan dengan melihat dari segi khasiatnya. Ini amat penting untuk individu dalam memahami dan melaksanakan suruhan Allah SWT.

Kekurangan bekalan makanan menyebabkan berlakunya krisis makanan. Ia menjadi isu getir yang dihadapi oleh kebanyakan negara di seluruh dunia termasuk negara-negara Islam. Isu krisis makanan ini bukan merupakan satu isu remeh yang perlu dibiarkan begitu sahaja kerana ia merupakan isu yang berkaitan dengan sekuriti makanan manusia. Apa yang membimbangkan, krisis makanan yang menimpa dunia pada masa ini melibatkan bekalan makanan ruji seperti beras, gandum, bijirin dan jagung yang menjadi keperluan asas setiap individu di dunia ini. Di samping itu, isu ini juga telah menyebabkan harga makanan dunia meningkat secara mendadak. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), lebih daripada 1.02 juta manusia berada dalam kelaparan di seluruh dunia pada tahun 2009. Jumlah yang tinggi tersebut adalah disebabkan oleh harga makanan yang tinggi, pendapatan yang rendah dan peningkatan kadar pengangguran. Sebagai contoh, di India terdapat sebanyak 251.5 juta orang penduduk dilanda kekurangan makanan.⁴ Pertanian telah memungkinkan manusia berusaha terus untuk mengembangkan keupayaan pengeluaran makanan dunia. Ia juga merupakan salah satu tuntutan semula jadi manusia yang ditetapkan oleh Islam yang berfungsi untuk memenuhi tuntutan jasmani dan rohani manusia.⁵ Semenjak pertanian bermula, pengeluaran makanan telah bertambah beratus-ratus kali ganda. Dalam masa yang sama, bilangan manusia turut bertambah yang memerlukan pertambahan

⁴ ‘Hunger Statistics’, Food Agriculture Organisation (FAO), 4 Ogos 2010: <http://www.fao.org/hunger/en/>.

⁵ Kementerian Pertanian Malaysia, *Pertanian dalam al-Quran: Satu Tinjauan Ringkas* (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, 1993), 8.

makanan lebih banyak kerana permintaan yang tinggi ke atas makanan. Dalam keadaan ini, kekurangan yang mendadak di sesuatu tempat biasanya mengakibatkan kelaparan dan kebuluran yang meluas. Manusia bukan sahaja akan mati dan menderita dalam jumlah yang besar tetapi ramai yang terpaksa melakukan perbuatan-perbuatan yang ekstrim oleh kerana diancam kematian disebabkan kelaparan.⁶ Ini menunjukkan kepentingan makanan yang sebenar yang mana manusia tidak boleh hidup tanpanya dan ianya sangat memerlukan sekuriti makanan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan ini, setiap negara perlu mempunyai sekuriti makanan. Sekuriti makanan bermakna semua orang pada setiap masa boleh memperoleh makanan yang mencukupi untuk meneruskan hidup yang sihat dan aktif.⁷ Bagi menjamin sekuriti makanan sesebuah negara, kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam menjamin bekalan makanan mencukupi. Di Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) merupakan badan yang bertanggungjawab dalam pembangunan sektor pertanian. Ia merangkumi pelbagai dasar dan program bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara atau sekuriti makanan. Antara dasar yang telah dijalankan oleh MOA ialah Dasar Pertanian Negara Pertama hingga Ketiga yang bermula pada tahun 1984 dan Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang dilaksanakan pada tahun 2008. Oleh itu, artikel ini akan melihat perlaksanaan dasar-dasar tersebut dari perspektif ekonomi Islam dalam menjamin sekuriti makanan negara.

KONSEP SEKURITI MAKANAN

Sekuriti makanan merujuk kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehinya. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi. Selain itu, makanan tersebut mestilah selamat bagi memenuhi keperluan dan pemilihan pemakanan manusia bagi membolehkan mereka menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat.⁸

⁶ Lester R. Brown & Eric P. Eckholm, *Krisis Makanan* (terj. Abdul Wahid Ghazali; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), 26.

⁷ ‘Food Security’, Food Agriculture Organisation (FAO), 23 Mac 2009: ftp://ftp.fao.org/es/ESA/policybriefs/pb_02.pdf.

⁸ ‘Hunger Statistics’, Food Agriculture Organisation (FAO), 4 Ogos 2010.

Mengikut FAO, terdapat empat komponen utama dalam sekuriti makanan, iaitu:

- 1) Ketersediaan makanan – ketersediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti yang dibekalkan melalui pengeluaran domestik atau import. Pengeluaran makanan tersebut mestilah mencukupi mengikut keperluan manusia.⁹
- 2) Akses makanan – akses kepada sumber makanan yang mencukupi oleh individu.
- 3) Penggunaan – penggunaan ke atas makanan yang lengkap berterusan, air yang bersih dan semua keperluan makanan dapat diperoleh.
- 4) Kestabilan – untuk memastikan sekuriti makanan, individu atau isi rumah mesti mempunyai akses untuk makanan pada sepanjang masa. Mereka tidak akan menghadapi risiko untuk mengakses makanan walaupun berlakunya kejutan pasaran seperti krisis ekonomi dan sebagainya.

Manakala interpretasi dan terjemahan konsep sekuriti makanan adalah berbeza mengikut tahap. Di tahap antarabangsa, ia bermaksud pertanggungjawaban semua negara untuk memastikan pasaran dan harga makanan yang stabil. Di tahap kebangsaan atau sesuatu negara, ia diterjemahkan sebagai keupayaan untuk memastikan penawaran makanan yang stabil dalam pasaran domestik. Di tahap perseorangan atau individu, ia bermakna bahawa setiap individu memiliki bekalan makanan yang bukan sahaja mencukupi tetapi juga memenuhi keperluan pemakanan yang dianggap standard.¹⁰

AG Paterson menjelaskan tahap sekuriti makanan di Afrika adalah bergantung terutamanya kepada iklim, kemiskinan, keselamatan negara, infrastruktur dan kecekapan pengeluaran.¹¹ Antara usaha-usaha kerajaan dan FAO bagi meningkatkan sekuriti makanan di Afrika ialah dengan menyasarkan pada penyediaan bantuan makanan. Bantuan makanan sangat penting bagi memenuhi keperluan makanan bagi mereka yang memerlukan.

⁹ Cecilia Rocha, ‘Food Security as Market Failure: A Contribution from Economics’, <http://www.ryerson.co/foodsecurity/publication/papers/foodinsecuritymarketfailure.pdf>, 12 Februari 2010.

¹⁰ Parikh, K.S and W. Tims, ‘Food Consumption, Dietary Status and Chronic Hunger: An Assessment of its Extent and Policy Options’, *Proceeding of World Food Conference Food and Agricultural Policies and Programs of Major Countries and Regions* (1989), 3-42.

¹¹ A.G. Paterson, ‘Food Security in Africa: an Agriculturalist’s Perception’, <http://ageconsearch.umn.edu/bitstream/6954/2/cp02pa03.pdf>, 7-12 Julai 2002.

Ketidakselamatan makanan boleh berlaku apabila manusia tidak mendapat makanan yang cukup sepanjang masa untuk kehidupan yang aktif dan sihat. Ia juga bermaksud ketidakdapatkan pemakanan yang seimbang, makanan yang tidak selamat dan ketidakupayaan untuk mendapat makanan disebabkan oleh faktor sosial dan budaya yang diterima pakai oleh semua masyarakat. Di peringkat isi rumah, ketidakselamatan makanan berpunca daripada status sosioekonomi yang rendah, ketidakseimbangan pengambilan diet dan status pemakanan yang rendah. Status sosioekonomi yang rendah sering berpunca daripada pendapatan bulanan yang rendah, pendapatan per kapita yang rendah, status pendidikan yang rendah dan tidak mempunyai pekerjaan tetap di kalangan ahli keluarga dewasa.¹² Menurut Anthony H. Chisholm dan Rodney Tyers, pasaran makanan antarabangsa sentiasa berubah dan ia bergantung kepada perdagangan makanan yang semakin berkurangan. Tetapi walau bagaimanapun, kadar populasi pula semakin bertambah dan tidak selari dengan pertambahan pengeluaran makanan.¹³ Oleh itu, ini menyebabkan punca berlakunya ketidakselamatan makanan.

Di sini boleh dikatakan sekuriti makanan penting bagi memastikan masyarakat memperoleh makanan asas yang berkhasiat tanpa perlu berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan makanan atau terpaksa membayar pada harga yang melampau. Kesan buruk ketidakselamatan sekuriti makanan ialah masalah kebuluran dan kelaparan. Jadi dengan memastikan bekalan makanan mencukupi pada harga yang mampu dibayar oleh penduduk, secara tidak langsung ia akan menghapuskan kesan-kesan bahaya yang berpunca daripada masalah kebuluran dan kekurangan zat makanan seperti jenayah mencuri, merompak, rusuhan dan sebagainya.¹⁴


¹² Norhasmah Sulaiman, ‘Food Security: Concepts and Definition’, *Journal of Community Health*, 16/2 (2010): 119-120. [http://www.communityhealthjournal.org/pdf/Vol16\(2\)-Norhasmah.pdf](http://www.communityhealthjournal.org/pdf/Vol16(2)-Norhasmah.pdf), 15 Februari 2011.

¹³ Anthony H. Chisholm and Rodney Tyers, ‘Food Security: An Introduction and Overview’, *Food Security: Theory, Policy and Perspective From Asia and The Pacific Rim* (ed. Anthony H. Chisholm; Toronto: Lexingtonbooks, D.C. Heath and Company, 1982), 1

¹⁴ Anthony H. Chisholm and Rodney Tyers, ‘Food Security: An Introduction and Overview’, *Food Security: Theory, Policy and Perspective From Asia and The Pacific Rim*, 1.

DASAR SEKURITI MAKANAN DARIPADA PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM

Menurut Ahmād Ṣubḥī Ahmād Muṣṭafā al-‘Iyādī, dalam bahasa Arab sekuriti makanan disebut *al-Amn al-Ghidhā’ī*. Dari segi bahasa “*al-Amn*” bermaksud keselamatan, sekuriti atau keamanan lawannya adalah ketakutan atau ketidakselamatan.¹⁵ Firman Allah SWT. :


الَّذِي أَطْعَمَهُم مِّنْ جُوعٍ وَأَمْنَهُم مِّنْ حَوْفٍ
“Yang telah memberi makanan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka dari ketakutan.”

(Surah Quraisy, 106 : 4)

Manakala “*al-Ghidhā’ī*” pula bermaksud setiap apa yang dimakan atau diambil manusia daripada makanan dan minuman. Asmak Ab Rahman telah mendefinisikan sekuriti makanan dalam Islam sebagai akses bagi semua penduduk terhadap makanan halal dan *tayyibah* yang mencukupi untuk kehidupan yang sihat dan aktif. Dalam definisi tersebut, beliau telah memasukkan elemen halal dan *tayyibah* sebagai elemen yang sangat ditekankan dalam sumber makanan dalam Islam. Walaupun elemen halal perlu ada dalam menjamin sekuriti makanan dari sudut syariah, namun Islam memberi kelonggaran kepada umatnya apabila mereka menghadapi saat-saat yang genting di mana tiada makanan yang halal, mereka dibenarkan memakan makanan yang haram demi menjaga nyawa seseorang.¹⁶

Sekuriti makanan di sini dilihat jika bekalan makanan ada dan harganya mampu untuk dibayar oleh semua lapisan masyarakat, ia sudah menepati terma tersebut. Ia juga merangkumi senario di mana sesbuah isi rumah itu tidak mengalami masalah kelaparan atau tiada kekhawatiran terhadap kemungkinan berlaku kelaparan kerana mempunyai bekalan makanan mencukupi.¹⁷ Sekuriti makanan juga amat menekankan keperluan menyimpan makanan khususnya bijirin seperti padi, gandum dan sebagainya, dengan demikian keperluan makanan asasi masyarakat akan terjamin dan selamat.¹⁸ Oleh itu, bekalan

¹⁵ Ahmād Ṣubḥī Ahmād Muṣṭafā al-‘Iyādī, *al-Amn al-Ghidzā’ī fī al-Islām* (Amman: Dār al-Nafāis, 1999), 21.

¹⁶ Asmak Ab Rahman, ‘Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah’, *Jurnal Syariah* 17/2 (2009): 299-326.

¹⁷ Muhammad Hisyam Mohamad, ‘Krisis Makanan Dunia dan Jaminan Makanan’ *Majalah Kefahaman Islam (VISI)* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, Bil. 88, 2008), 42.

¹⁸ Muhammad Hisyam Mohamad, ‘Krisis Makanan Dunia dan Jaminan Makanan’, 22.

makanan asasi mesti diperoleh melalui pengeluaran makanan dalam negara dan tidak bergantung kepada import dari negara lain kerana ketidakseimbangan pasaran akan meningkat.

Islam sangat menekankan manusia memelihara nyawa, jiwa dan anggota tubuh badan. Ia adalah termasuk di dalam salah satu tunjang *maqāṣid al-syari‘ah* dalam ekonomi Islam. Dalam hal ini, tujuan syariah untuk memelihara nyawa ini dilihat sebagai satu perkara yang penting supaya tidak berlaku perkara-perkara yang membawa kepada bahaya ke atas nyawa manusia dan supaya manusia dapat melaksanakan perintah-perintah Allah SWT. yang wajib ke atasnya sebagai khalifah di muka bumi ini.¹⁹ Di sini menunjukkan bahawa manusia memerlukan makanan yang mencukupi untuk mencapai *maqāṣid al-syari‘ah* tersebut iaitu menjaga nyawa dan tubuh badan. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada pemimpin sesebuah negara untuk memenuhi keperluan asas bagi setiap ahli masyarakat terutamanya dari aspek makanan. Ini menjelaskan peranan pemimpin negara adalah sangat penting dalam memastikan sekuriti makanan terjamin dengan mewujudkan dasar atau polisi untuk mengatasi ketidakcukupan makanan dalam negara.

Polisi yang dilakukan oleh Nabi Yusuf a.s. yang menyediakan simpanan makanan untuk tempoh selama tujuh tahun dilihat sebagai satu garis panduan bagi sesebuah negara untuk memastikan sekuriti makanan terjamin. Semasa Baginda menjadi Menteri Kewangan Mesir, seluruh negara yang berdekatan mengalami krisis sekuriti makanan yang teruk dan memaksa rakyat negara berdekatan datang ke Mesir untuk mendapatkan bekalan makanan. Firman Allah SWT:

قَالَ تَرْرُعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَدَرُوهُ فِي سُنْبَلَةٍ إِلَّا قَلِيلًا

مِمَّا تَأْكُلُونَ ﴿١٧﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعُ شِدَادٌ يَا كُلُّنَّ مَا قَدَّ مْتُ هُنَّ

إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَحْصِنُونَ

“Yusuf berkata: “Supaya kamu bertanam tujuh tahun (*lamanya*) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (*bitit gandum*) yang kamu simpan”.

(Surah Yūsuf, 12: 47-48)

¹⁹ Asmak Ab Rahman, ‘Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah’, 17.

Peringatan itu sewajarnya diambil pengajaran dan peringatan yang jelas mengenai persoalan sekuriti makanan dan kedaulatan sesebuah negara. Selain itu, ia juga boleh dijadikan panduan yang mana sebuah negara mestilah mempunyai polisi yang jelas dan sesuai berkaitan sekuriti makanan kerana ia adalah keperluan asasi yang *darūriyyat*. Biarpun negara mahu mencapai pembangunan dan kemajuan melalui penekanan dalam perindustrian, namun sekuriti makanan perlu diambil berat. Walau bagaimanapun, makanan yang ditawarkan tersebut mesti selamat, mengandungi kandungan nutrien dan pastinya halal. Islam sememangnya menekankan aspek makanan halal, namun kesedaran tentang makanan halal dan selamat kini semakin meningkat selari dengan peningkatan jumlah umat Islam di dunia.

Di samping itu, halal juga merangkumi aspek tiada penipuan, tiada benda yang memudaratkan dan sebagainya. Pemakanan Islam mementingkan sifat *tayyibah* yang merangkumi aspek amalan pengilangan yang baik, kebersihan makanan, keselamatan makanan, pembungkusan, penghantaran, pelabelan dan harga yang berpatutan. Makanan yang diproses dikatakan halal apabila kandungan dan perasa yang digunakan adalah halal dan sistem pemprosesan selari dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam.²⁰

Aktiviti penimbunan atau monopoli merupakan aktiviti yang amat dilarang di dalam Islam. Ia adalah aktiviti menimbun atau menyorok barang (dari diperdagangkan) sehingga menimbulkan kesulitan bagi masyarakat setempat bagi mendapatkan komoditi tersebut, untuk kemudian dijual dengan harga yang mahal. Sepertimana ia dilakukan oleh saudagar-saudagar di Madinah pada zaman Rasulullah SAW dengan menaikkan harga barang makanan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih banyak. Amalan tersebut dilarang oleh Rasulullah SAW melalui hadith yang diriwayatkan oleh Ma'mar bin Abdullah yang berbunyi:²¹

”لَا يَتَكَبَّرُ إِلَّا خَاطِئٌ“

“Tidak akan melakukan penimbunan kecuali orang yang salah (*khāti'*).”

Dalam hadith ini, ada tuntutan untuk meninggalkan aktiviti monopolii dan adanya celaan terhadap orang yang melakukannya iaitu disebut dengan

²⁰ Nor Aini Idris, ‘Ke Arah Halal Hab Dunia: Cabaran AFTA’, dalam Nor Aini Idris et.al., *Malaysia ke Arah Hab Makanan Halal Dunia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 22-23.

²¹ Muslim, al-Imām Abī al-Husayn al-Muslim bin al-Ḥujāj, *Šaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqat, Bāb Taḥrīm al-Iḥtikār fī al-Aqwāt', 8 vols., Beirut: Dār al-Fikr, n.d), no hadith. 4206, v. 56.

perkataan *khāṭī'* iaitu orang yang berbuat dosa atau maksiat. Ini bermakna tuntutan meninggalkan di sini adalah tegas. Larangan tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah SAW. amat menitikberatkan keperluan bekalan makanan di pasaran dari dimonopoli atau disorokkan bagi menjual dengan harga yang tinggi. Keadaan tersebut menyebabkan bekalan makanan akan berkurangan di pasaran dan rakyat tidak mendapat makanan yang mencukupi. Dengan adanya aktiviti penyorokan ini, sekuriti makanan dalam negara adalah tidak terjamin dan akan menindas rakyat terutamanya rakyat miskin.

Dapat disimpulkan bahawa sekuriti makanan dalam Islam adalah untuk memastikan kecukupan makanan halal dan juga meliputi aspek *tayyibah*. Ia juga meliputi aspek ekonomi dan sosial iaitu memberi kuasa kepada individu untuk mengakses makanan daripada pendapatan yang diperoleh, penglibatan masyarakat dalam aktiviti sekuriti makanan seperti menyalurkan bantuan makanan dan terlibat dalam pengeluaran makanan itu sendiri. Islam juga amat mementingkan sekuriti makanan kepada sesebuah negara sepertimana polisi yang dilaksanakan oleh Nabi Yusuf a.s. dan turut menekankan elemen halal terhadap makanan yang diambil.

STANDARD HALAL DALAM SEKURITI MAKANAN

Halal merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan sekuriti makanan terjamin dalam Islam. Jaminan tersebut bukan sahaja bagi memastikan kecukupan makanan kepada rakyat dalam sesebuah negara, tetapi juga bagi memastikan makanan tersebut mesti sentiasa halal dan baik atau '*halalan tayyiban*'. Menurut Sayyid Sābiq, makanan ialah sesuatu yang boleh dimakan oleh manusia dengan tujuan untuk menjaga kesihatan, mendapatkan tenaga, kekuatan dan sebagainya. Makanan terdiri daripada dua sumber yang halal sama ada haiwan dan benda-benda yang tidak bernyawa seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.²² Kaedah syarak dalam menentukan makanan yang diharamkan dan dihalalkan adalah dijelaskan daripada firman Allah SWT. berikut:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ

مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوْحًا أَوْ لَحْمَ حِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أَهْلَ

لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ²³ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

²² Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 4 vols., 1985), ii. 268.

“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi - kerana sesungguhnya semua itu kotor - atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

(Surah al-An‘ām, 6 :145)

Firman Allah SWT. lagi:

وَنُحْلِلُ لَهُمُ الْأَطْيَبَاتِ وَنُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَثَ

“Dan menghalalkan bagi mereka segala benda baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.”

(Surah al-A‘rāf, 7 : 157)

Maksud yang baik-baik dalam ayat di atas ialah apa yang diterima dan diingini oleh jiwa manusia yang bersih. Berdasarkan dua ayat di atas, hukum-hakam makanan dari sudut halal dan haramnya tertegak di atas tiga prinsip berikut:

Prinsip Pertama

Semua haiwan yang dimakan oleh bangsa Arab pada zaman Nabi SAW. adalah halal kerana haiwan-haiwan tersebut bersih dan diterima oleh jiwa manusia.²³ Haiwan yang termasuk dalam bahagian ini ialah haiwan yang hidup dalam lautan iaitu ikan dan haiwan yang terdiri dari binatang ternakan iaitu unta, lembu, kambing, kuda, lembu, keldai liar, kijang, arnab dan sebagainya kerana orang Arab memakan semua ini. Syariat juga mengakui halalnya makanan ini dan keharusan memakannya.²⁴ Firman Allah SWT.:

²³ Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajī, *al-Fiqh al-Manhajī ‘Alā Madhab al-Imām al-Syāfi‘ī* (Syria: Dār al-‘Ulum al-Insāniyyah, 8 vols., 1996), ii. 646.

²⁴ Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajī, *al-Fiqh al-Manhajī ‘Alā Madhab al-Imām al-Syāfi‘ī*, ii. 647.

أَحِلٌّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ، مَتَعًا لَكُمْ لِلسَّيَارَةِ وَحُرْمَمٌ عَلَيْكُمْ صَيْدُ
الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرْمَمَا

“Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan bagimu dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan dan diharamkan ke atasmu memburu binatang selama kamu dalam ihram.”

(Surah al-Mā‘idah, 5: 96)

Selain itu, semua haiwan yang menjijikkan seperti serangga iaitu binatang yang melata dan sebagainya adalah haram kecuali haiwan yang disebut halal oleh syarak secara khusus seperti *yarbu*,²⁵ *dob* (biawak pasir), *sammur*,²⁶ landak dan sebagainya. Al-Syāfi‘ī juga menyatakan dalam kitabnya *al-Umm*, tidak mengapa memakan *dob* sama ada yang besar atau kecil.²⁷ Al-Bukhāri (5536) meriwayatkan hadis yang menyatakan halal memakan *dob* daripada Ibn Umar r.a. katanya, Nabi SAW. bersabda:²⁸

الضب لست آكله ولا أحرمه

“Aku tidak memakan dob dan aku tidak mengharamkannya.”

Prinsip Kedua

Binatang buas yang diharamkan ialah setiap binatang buas yang memiliki taring yang kuat yang digunakan untuk menangkap mangsanya²⁹ seperti anjing, babi, serigala, beruang, kucing, gajah, harimau belang, harimau, kera dan seumpamanya. Sekiranya taring itu lemah dan tidak boleh digunakan untuk menangkap mangsanya, tidak diharamkan memakannya. Selain itu, binatang yang haram dimakan ialah setiap burung yang memiliki kuku kuat

²⁵ Haiwan seperti tikus, tetapi ekor dan telinga panjang. Kedua kakinya lebih panjang daripada kedua tangannya.

²⁶ Haiwan yang menyerupai kucing. Ia termasuk dalam keluarga serigala Turki.

²⁷ Al-Syāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs, *al-Umm* (Beirut: Dār Ibn Jazm, 8 vols., 2005), i. 886.

²⁸ Al-Bukhārī, ‘Abd Allah Muḥammad Ismā‘il, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allah wa Sunanuhu wa Ayyāmuhi*, Kitāb al-Dhabā’ih wa al-Ṣayd, Bab al-DOB (Qaherah: al-Maktabah al-Salafiyah, 1400M), no. hadith 5536 & 1535.

²⁹ Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbaṭī, *al-Fiqh al-Manhājī ‘Alā Madhhab al-Imām al-Syāfi‘ī*, 882.

yang digunakan untuk mencakar dan boleh mencederakan seperti burung garuda, burung rajawali dan burung helang. Hadith diriwayatkan al-Bukhari (5530) daripada Abu Tha'labah al-Khusyani r.a.:³⁰

نَهِيٌّ عَنْ أَكْلِ كُلِّ ذِي نَابِ مِنَ السَّبَاعِ

“Rasulullah SAW. melarang memakan setiap binatang buas yang memiliki taring.”

Prinsip Ketiga

Setiap haiwan yang disunatkan membunuhnya seperti ular, kala jengking, burung gagak, tikus dan setiap haiwan yang jelas merbahaya adalah haram dimakan. Daripada Aisyah r.a. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:³¹

خَمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ كُلُّهُنَّ فَوَاسِقَ يَقْتَلُنَ فِي الْحَرَامِ: الْغَرَابُ، وَالْحَدَّاءُ،
وَالْعَرْبُ، وَالْفَأْرُ، وَالْكَلْبُ، وَالْعَقُورُ طَرْفٌ

“Lima jenis binatang yang semuanya liar, tiada faedah dan merosakkan dan boleh membunuh walaupun di tanah haram iaitu: burung gagak, burung helang, kala jengking, tikus dan anjing liar.”

Ketiga-tiga prinsip tersebut menjelaskan standard yang telah ditetapkan oleh Islam bagi mengambil makanan yang halal dan baik untuk dimakan. Makanan yang haram atau tidak dibenarkan untuk makan juga turut dijelaskan supaya manusia tidak mengambil makanan tersebut kerana ia boleh memudharatkan kesihatan manusia yang memakannya. Ini merupakan satu panduan yang perlu dititikberatkan oleh setiap Muslim.

Dalam aplikasi standard yang dilaksanakan di Malaysia untuk memastikan makanan yang dihasilkan adalah halal dan terjamin keselamatannya, satu Standard Halal bagi makanan telah digunakan iaitu ‘Makanan Halal : Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS 1500:2009)’. Ia telah dibangunkan di bawah Sistem Pembangunan

³⁰ Al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad*, Kitāb al-Dhaba’ih wa al-Ṣayd, Bāb Akl Kullu Dhi Nabin min al-Sibā’, no. hadith 5530 & 1534.

³¹ Al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad*, Kitāb Jazā’ al-Ṣayd, Bāb Mā Yaqtulu al-Muḥarram min al-Dawāb, no. hadith 1829 & 475.

Standard Malaysia di bawah tanggungjawab Jabatan Standard Malaysia (DSM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.³²

Standard tersebut dibangunkan oleh Jawatankuasa Standard Perindustrian Kebangsaan yang berkaitan dengan Halal (ISC I) yang mana telah diwakili oleh pelbagai organisasi termasuk JAKIM yang merupakan Pengerusi kepada Jawatankuasa Teknikal. Standard ini mengandungi garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambah nutrien). Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan di Malaysia. Ia akan digunakan oleh JAKIM sebagai asas untuk pensijilan tetapi akan ditambah dengan keperluan-keperluan yang lain bagi melengkapkan proses pensijilan. Dalam menentukan makanan tersebut halal, perbahasan yang diambil kira adalah seperti berikut:³³

- a) Makanan tersebut bukan terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak;
- b) Makanan tersebut tidak mengandungi apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak;
- c) Makanan tersebut tidak disedia, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari benda-benda najis mengikut hukum syarak; dan
- d) Makanan tersebut tidak dalam masa menyedia, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan (a), (b) atau (c) atau apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.


Oleh itu, bagi makanan yang memerlukan sijil halal perlu melalui proses tersebut bagi memastikan bahawa makanan yang dihasilkan adalah halal dan selamat untuk dimakan. Dengan adanya standard tersebut, pengeluaran makanan halal akan lebih terjamin kepada masyarakat kerana pemakanan yang halal dan baik mendatangkan pelbagai faedah kepada manusia. Antara kepentingannya ialah manusia dapat mencegah diri daripada pelbagai penyakit

³² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), http://www.halal.gov.my/ehalal/index.php?ty=content_view&id=PRO-20100117095910&type=PRO, 20 April 2011.

³³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), http://www.halal.gov.my/ehalal/index.php?ty=content_view&id=PRO-20100117095910&type=PRO, 20 April 2011.

dan menjaga kesihatan diri. Apabila kesihatan dijaga ia dapat melahirkan akal yang cerdas. Seterusnya melahirkan manusia yang berguna kepada bangsa, agama dan negara. Setiap apa yang ditetapkan oleh Allah SWT. pastinya mempunyai hikmah dan kebaikan untuk umat manusia. Firman Allah SWT.:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمْ اللَّهُ حَلَالًا طَيْبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ



“Oleh itu, makanlah daripada apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu daripada benda-benda yang halal dan bersyukurlah akan nikmat Allah, Jika benar kamu menyembahNya semata-mata.”

(Surah al-Nahl, 16 : 114)


Allah SWT. memerintahkan kita bukan sahaja memakan makanan yang halal, tetapi makanan yang baik juga. Apa yang dimaksudkan dengan baik di sini adalah makanan berkhasiat dan berzat untuk kesihatan. Oleh itu, Islam menggalakkan kita agar menjaga kesihatan dan Islam juga menganjurkan kita makan bukan sahaja yang halal, tetapi yang baik dan berkhasiat. Justeru, seseorang Muslim yang prihatin dan mengambil berat terhadap pemakanan perlu memastikan setiap makanan dan minuman tersebut adalah dari sumber yang halal dan baik serta disediakan mengikut cara yang ditetapkan syarak.

PELAKSANAAN DASAR-DASAR SEKURITI MAKANAN DI MALAYSIA

Dasar sekuriti makanan telah dilaksanakan di Malaysia sejak sebelum merdeka lagi melalui Dasar Padi dan Beras Negara dan penekanan telah diberikan kepada tanaman padi yang menjadi sumber makanan utama negara. Walau bagaimanapun, dasar tersebut tidak meliputi aspek makanan-makanan utama yang lain sehingga pada tahun 1984, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1). Kemudian dalam tahun 1992, kerajaan telah melancarkan pula Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) untuk tempoh lima tahun sehingga tahun 1998. Seterusnya dalam tahun 1998 pula, kerajaan melancarkan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk tempoh 1998 hingga 2010. Oleh itu dapatlah digambarkan di sini bahawa Dasar Pertanian Negara ini tidak boleh dianggap sebagai lembaran baru dalam pertanian negara. Dasar Pertanian Negara lebih merupakan penekanan amalan-amalan yang sedia ada. Memandangkan krisis makanan dunia akan memberi impak negatif terhadap bekalan makanan negara, maka Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara pula telah digubal. Dasar ini telah diluluskan oleh kerajaan pada 2

Mei 2008. Dasar ini lebih memfokuskan kepada jaminan sekuriti makanan pada tahap yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara. Ia merupakan reaksi terhadap kebimbangan kerajaan mengenai masa depan sektor pertanian yang menjadi jaminan sekuriti makanan kepada penduduk negara ini. Dasar-dasar yang dijelaskan ini telah dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia dan kronologi dasar-dasar tersebut ditunjukkan di dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1 : Polisi Sekuriti Makanan di Malaysia



Sumber : Dasar Pertanian Negara, Kementerian Pertanian Malaysia³⁴

Objektif umum dasar-dasar tersebut adalah untuk memenuhi keperluan makanan yang mencukupi melalui aktiviti pertanian. Ianya adalah selari dengan matlamat menjaga nyawa dalam ekonomi Islam. Ajaran Islam menjelaskan pertanian adalah sektor penting yang tidak boleh diabaikan kerana ia merupakan aktiviti pengeluaran sumber makanan utama manusia. Terdapat banyak ayat al-Quran menjelaskan kepentingan sektor pertanian sebagai sumber makanan. Islam juga melihat sektor pertanian sebagai fardhu kifayah

³⁴ Kementerian Pertanian Malaysia, *Dasar Pertanian Negara* (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, 1985), 1; Kementerian Pertanian Malaysia, *Dasar Pertanian Negara 1992-2010* (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, 1993), 4; ‘Dasar Pertanian Negara Ketiga’, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 20 Ogos 2009: <http://www.moa.gov.my/dpn>.

atau tanggungjawab bagi sesebuah masyarakat untuk melaksanakannya. Oleh itu, masyarakat Muslim mesti memastikan komuniti mereka terlibat dalam sektor pertanian. Ini adalah sangat penting bagi menjamin penawaran makanan yang mencukupi kepada masyarakat Muslim. Antara ayat tersebut ialah:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فَرَاشًا وَالسَّمَاءَ بَنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً

فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الشَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ

تَعْلَمُونَ

“Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang di bina dengan kukuhnya); dan di turunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah SWT. sebarang sekutu, pada hal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).”

(Surah al-Baqarah, 2 : 22)

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَمِ لَعِبْرَةً نَسِيقُكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهَا وَلَكُمْ فِيهَا مَنَافِعٌ

كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

“Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternakan, benar-benar terdapat pelajaran yang penting bagi kamu, Kami memberi minum kamu dari air susu yang ada dalam perutnya, dan (juga) pada binatang-binatang ternakan itu terdapat faedah yang banyak untuk kamu, dan sebahagian darinya kamu makan.”

(Surah al-Mu'minūn, 23 : 21)

Di dalam ayat-ayat tersebut jelas menyatakan bahawa Allah SWT. menjadikan dunia sebagai tempat untuk manusia bercucuk tanam dan berternak dan menjadikannya sebagai makanan. Makanan tersebut adalah meliputi makanan asasi penduduk iaitu beras, daging, ikan dan sayur-sayuran. Di samping itu, ekonomi Islam amat menitikberatkan pengeluaran makanan halal sebagai sumber makanan dalam menjamin sekuriti makanan, manakala bagi makanan yang tidak halal dan tidak digalakkan perlu dikawal, dihadkan

dan disekat.³⁵ Di dalam DPN3 sendiri, kerajaan telah menekankan kepada pengembangan Malaysia sebagai Hub Makanan Halal Antarabangsa. Langkah ini adalah untuk meningkatkan eksport makanan halal negara melalui pasaran makanan halal antarabangsa. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, satu standard halal telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menjadi badan yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil halal.³⁶ Aspek halal tersebut mengambil kira pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan makanan tersebut. Ini membuktikan keperihatinan kerajaan Malaysia terhadap pengeluaran makanan halal dalam negara selaras dengan sekuriti makanan dalam ekonomi Islam yang menekankan kepada pengeluaran makanan halal yang mencukupi.

Bilangan penduduk beragama Islam dianggarkan sebanyak 15 juta orang di Malaysia. Oleh itu, permintaan kepada makanan halal adalah tinggi dan saiz pasaran makanan halal tempatan ini mungkin lebih besar jika diandaikan sebahagian penduduk bukan Islam juga bersedia menggunakan makanan halal.³⁷ Satu laporan mengenai pasaran makanan halal oleh Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC) menyatakan bahawa 14 peratus daripada perbelanjaan makanan oleh pengguna Malaysia adalah untuk daging. Laporan tersebut menyatakan daging lembu adalah dua pertiga daripada jumlah daging diimport oleh Malaysia pada 2005 dan Malaysia mengimport daging bernilai AS\$231 juta (RM809 juta). Enam puluh peratus daripada pengimportan daging adalah dari India diikuti Australia dan New Zealand.³⁸ Ini menunjukkan wujud satu pasaran amat besar dalam industri makanan halal sama ada tempatan atau antarabangsa.

Pasaran makanan halal juga akan terus meningkat dengan pertambahan penduduk Islam, baik dalam negara atau di seluruh dunia. Penggunaan makanan halal juga akan bertambah dengan peningkatan kuasa beli umat Islam di negara sedang membangun dan negara maju. Pada masa sama, kesedaran dan keinsafan umat Islam sendiri mengenai hukum agama berkaitan halal dan haram meningkatkan permintaan makanan halal. Malaysia telah melaksanakan

³⁵ Khurshid Ahmad, ‘Economic Development in an Islamic Framework’, *Studies in Islamic Economics* (ed. Khurshid Ahmad; Leicester: The Islamic Foundation, 1981), 181.

³⁶ Hakimah Mohd Yusoff Halal, *Certification Scheme, Standards and Quality News: Standardisation for Halal Food* (Selangor: Sirim Berhad, 2004), 4.

³⁷ ‘Manfaat Peluang Industri Halal’, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), 20 Julai 2010: http://www.punb.com.my/index.php?ch=bm_med&pg=bm_med_news&ac=218.

³⁸ Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC), *Halal Food Product Report* (Canada: Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC), 2006), 16-17.

Projek Terminal Makanan Negara (TEMAN) sebagai hab makanan halal serantau seperti mana yang telah dilaksanakan di Simpang Pulai, Ipoh, Perak. Ia menjadi pusat pembekalan makanan moden yang menghubungkan pengeluaran dengan penggunaan.³⁹ Bagi meningkatkan pengeluaran makanan pula, kerajaan dengan usaha sama sektor swasta telah mengambil langkah menyediakan kawasan tanaman secara berkelompok seperti Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) pada tahun 2003. Melalui projek tersebut, pengeluaran makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan dalam negara dapat ditingkatkan. Program yang dijalankan ini selaras dengan strategi program di bawah DPN3 dan ia berjaya meningkatkan pengeluaran makanan khususnya bagi sayur-sayuran dan buah-buahan.⁴⁰

Ekonomi Islam juga menggalakkan simpanan makanan untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya masalah kekurangan makanan disebabkan oleh kemarau dan bencana alam. Dengan adanya simpanan makanan ini, sekuriti makanan akan sentiasa terjamin. Ini adalah seperti mana dasar yang dilaksanakan oleh Nabi Yusuf a.s. pada zaman pemerintahannya di Mesir yang menyediakan simpanan makanan untuk tempoh selama tujuh tahun.⁴¹ Ia dilihat sebagai satu garis panduan bagi sesebuah negara untuk memastikan sekuriti makanan terjamin. Dasar tersebut telah berjaya mencapai objektifnya apabila berlaku krisis makanan yang teruk di seluruh negara yang berdekatan dan memaksa rakyat tersebut datang ke Mesir untuk mendapatkan bekalan makanan. Simpanan makanan yang ada telah dapat menjamin sekuriti makanan kepada negara-negara yang dilanda krisis makanan tersebut. Peningkatan pengeluaran makanan melalui pertanian memainkan peranan yang sangat penting untuk melaksanakan simpanan makanan ini. Bekalan makanan tersebut bukan sahaja mencukupi untuk masa kini tetapi mencukupi untuk masa akan datang. Melihat kepada perlaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia, objektif utamanya adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan terutamanya padi, sayur-sayuran, buahan-buahan dan daging.⁴² Ini adalah selari dengan galakan yang ditunjukkan dalam ekonomi Islam iaitu dengan meningkatkan pengeluaran makanan. Prestasi pengeluaran makanan tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

³⁹ ‘Projek Terminal Makanan Negara’, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), 20 Julai 2010: http://www.famaxchange.org/web/guest/teman?p_p_id=56_INSTANCE_EUDp&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=content&p_p_col_count=1&page=1.

⁴⁰ ‘Dasar Pertanian Negara Ketiga’, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 20 Ogos 2009: <http://www.moa.gov.my/dpn>.

⁴¹ Surah Yusuf, 12: 47.

⁴² Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005* (Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, 2001), 89.

Jadual 1 : Pengeluaran Komoditi Pertanian (Makanan) (1980-2010)

Komoditi	Tan Metrik (Juta)						
	1980	1985	1990	1995	2000	2005	2010
Padi	2,040.2	1,953	2,016.3	2,127	2,141	2,400	3,202
Perikanan Laut	743.7	746	951.3	1,108	1,286	1,325	1,705
Akuakultur	52.3	55	52	133	250	400	662
Daging Lembu	17.2	17	12.8/18	17/21	17.5/28	28.5/40	45
Daging Kambing	0.8	0.6	0.8	0.8	0.9	1.5	2.3
Daging Ayam-Itik	125.6	251	385.9	687	714.3	980.1	1,295
Telur (juta unit)	2,534.7	3,395	5,505	6,242	8,221	9,974	600
Susu (juta liter)	-	24	28.9	37	50	65	68.4
Buah-buahan	-	852	1,530	1,020	1,376	1,982	2,555.7
Sayur-sayuran	693.9	184	693.9	718	1,019	1,390	1,133.3

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima Hingga Kesembilan.

Jadual 2 : Tahap Sara Diri Komoditi Makanan (1980-2010)

Komoditi	Peratus (%)						
	1980	1985	1990	1995	2000	2005	2010
Beras/Padi	98	85	80	76.3	71	72	90
Buah-buahan	-	101.8	94	88.9	91.3	98.6	138
Sayur-sayuran	-	80.8	75.2	71.6	88.5	95.6	108
Keluaran Perikanan	96.2	94.9	91	92	89	90	104
Daging Lembu	-	43	30	19.2	22.7	23.2	28
Daging Kambing	-	9.4	10.5	6	6.4	7.1	10
Daging Ayam-Itik	97.8	109.1	115	110.7	127.8	143.2	122
Telur	99	127.4	109	110.3	138.8	152.5	115
Susu	3.6	4	4.3	3.5	4	4.5	5

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan.

Jadual 1 tersebut menunjukkan jumlah pengeluaran bagi komoditi makanan dalam tempoh DPN1 hingga DPN3. Manakala Jadual 2 pula menunjukkan tahap sara diri komoditi makanan. Jumlah pengeluaran bagi tahun 2010 adalah

jumlah anggaran sahaja. Tanaman padi merupakan makanan utama di Malaysia. Tanaman padi menguasai 670,524 hektar daripada jumlah kluasan tanah yang ditanam dengan berbagai-bagai tanaman.⁴³ Sepanjang tempoh DPN1 sehingga DPN3, jumlah pengeluaran padi adalah sebanyak 1,953 tan pada tahun 1984 dan kemudian pada tahun 2005 jumlah pengeluaran padi telah meningkat kepada 2,400 tan. Walau bagaimanapun, kadar sara diri beras berada pada tahap penurunan iaitu dalam lingkungan dari 80% hingga 70% kerana bilangan pertambahan penduduk melebihi daripada jumlah pengeluaran padi negara.⁴⁴ Manakala buah-buahan dan sayur-sayuran pula merupakan antara sumber makanan asas yang membekalkan nutrien seperti vitamin dan protein kepada manusia. Melihat kepada pencapaian pengeluarannya di Malaysia sejak tahun 1984, ia meningkat pada kadar yang sederhana dan kadangkala rendah kerana sektor kecil ini sangat berisiko dengan cuaca yang menyebabkan pengeluaran berkurangan. Selain itu, ia disebabkan oleh kekurangan tanah yang sesuai untuk tanaman ini. Pada tahun 1985, jumlah pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran masing-masing adalah 852 tan dan 184 tan.⁴⁵ Seterusnya, pada tahun 2005 pula jumlah pengeluaran komoditi tersebut telah meningkat kepada 1,982 tan dan 1,390 tan. Peningkatan pengeluaran tersebut antaranya adalah disebabkan oleh kerajaan dengan usahasama sektor swasta telah mengambil langkah dengan menyediakan kawasan tanaman secara berkelompok seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Program yang dijalankan ini selaras dengan strategi program di bawah DPN3.⁴⁶ Bagi tempoh 1984 hingga 2008, tahap sara diri sayur-sayuran dan buah-buahan pula adalah antara 85% hingga 98%.⁴⁷ Pencapaian atau prestasi pengeluaran daging ayam-itik pula sejak dari tahun 1984 hingga 2008 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan yang mana, peningkatan pengeluaran yang ditunjukkan dari tahun ke tahun adalah begitu mendadak. Hasil daripada ini, tahap sara dirinya juga telah dapat dicapai sepenuhnya di antara 110% hingga 130% semenjak DPN1 dilaksanakan.

Di samping itu, pengeluaran makanan yang rendah menyebabkan masyarakat tidak dapat mengakses makanan di pasaran. Untuk itu, pemasaran

⁴³ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), *Perangkaan Pertanian 2008* (Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2008), 35.

⁴⁴ Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005* (Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, 2001), 218.

⁴⁵ Malaysia, *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995* (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991), 144-145.

⁴⁶ Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*, 188.

⁴⁷ Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010* (Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, 2006), 86.

bahan-bahan makanan hasil aktiviti pertanian telah dijalankan melalui Pasar Tani di setiap negeri. Melalui perlaksanaan DPN, penubuhan Pasar Tani telah bertambah hampir di setiap kawasan bagi membolehkan masyarakat mengakses makanan dengan mudah.⁴⁸ Manakala penggunaan terhadap makanan pula akan memberi kesan kepada pengeluarannya. Sebagai contoh, makanan yang tidak halal tidak akan dikeluarkan oleh pengeluar jika tiada permintaan terhadapnya. Di samping itu juga, corak penggunaan rakyat terhadap perbelanjaan makanan juga akan memberi kesan kepada pengeluaran makanan negara tersebut. Islam telah melarang umatnya berlebihan dalam penggunaan makanan tetapi sebaliknya disimpan untuk keperluan masa depan kerana ia dapat mengelak berlakunya pembaziran. Justeru itu, pengeluaran makanan dalam negara akan mencukupi jika corak penggunaan pengguna terhadap makanan adalah secara sederhana dan seimbang.

Selain daripada menggalakkan aktiviti pertanian, ekonomi Islam juga menghalang aktiviti penyorokan. Kerajaan memainkan peranan dari segi penguatkuasaan undang-undang agar tidak berlaku penyorokan barang makanan yang boleh membawa kepada kenaikan harga dalam pasaran dan mengakibatkan orang yang kurang mampu tidak dapat membeli makanan pada harga yang tinggi. Apabila berlaku permintaan yang tinggi dan penawaran yang kurang, kebarangkalian untuk harga naik adalah tinggi. Oleh itu dalam konteks ini, penyorokan barang dengan tujuan untuk menaikkan harga adalah dilarang dalam Islam, apatah lagi bagi barang keperluan asasi seperti makanan.⁴⁹ Ini menunjukkan ekonomi Islam sentiasa menjadikan agenda pemenuhan keperluan asas manusia sebagai aspek yang paling utama. Bagi golongan yang tidak mempunyai wang untuk memperoleh makanan melalui mekanisme jual beli, Islam membantu mereka melalui agihan makanan secara langsung kepada mereka iaitu melalui agihan zakat, sedekah, wasiat, kafarah, korban, aqiqah dan lain-lain lagi.⁵⁰ Mekanisme-mekanisme tersebut adalah sebagai suatu cara untuk meningkatkan sumber makanan bagi mereka yang berada dalam kesusahan. Walau bagaimanapun, menerusi Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia, kerajaan turut membantu para petani dalam aktiviti pertanian dengan memberikan subsidi seperti benih dan baja terutamanya dalam tanaman padi.⁵¹

⁴⁸ Kementerian Pertanian Malaysia, *Dasar Pertanian Negara* (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, 1985), 1; Kementerian Pertanian Malaysia, *Dasar Pertanian Negara 1992-2010* (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, 1993), 4; ‘Dasar Pertanian Negara Ketiga’, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 20 Ogos 2009: <http://www.moa.gov.my/dpn>.

⁴⁹ Asmak Ab Rahman, ‘Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah’, 22.

⁵⁰ Asmak Ab Rahman, ‘Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah’, 22.

⁵¹ Asmak Ab Rahman, ‘Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah’, 22.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperolehi makanan berkhasiat secara mencukupi. Selain itu, makanan tersebut mestilah selamat bagi memenuhi keperluan dan pemilihan pemakanan manusia bagi membolehkan mereka menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat. Dalam ekonomi Islam, sekuriti makanan merupakan perkara yang sangat diberi perhatian. Sumber bekalan makanan banyak dijelaskan di dalam al-Quran seperti tanaman makanan, haiwan ternakan dan juga makanan tersebut mestilah halal untuk dimakan. Islam juga menjelaskan kepentingan aktiviti pertanian sebagai keperluan manusia untuk mengeluarkan sumber bekalan makanan tersebut. Di Malaysia terdapat beberapa dasar berkenaan sekuriti makanan iaitu Dasar Pertanian Negara Pertama hingga Ketiga dan Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Dasar-dasar tersebut dilaksanakan bagi memastikan sekuriti makanan negara sentiasa terjamin. Ini menunjukkan negara memberi penekanan terhadap keperluan makanan penduduk dan ia selaras dengan kehendak Islam yang menekankan kepada memenuhi keperluan asas iaitu makanan. Perlaksanaan dasar tersebut menunjukkan peningkatan dari aspek pengeluaran terutamanya makanan halal dalam memenuhi keperluan penggunaan tempatan.

RUJUKAN

- A.G. Paterson, ‘Food Security in Africa: an Agriculturalist’s Perception’, <http://ageconsearch.umn.edu/bitstream/6954/2/cp02pa03.pdf>, 7-12 Julai 2002.
- Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC), *Halal Food Product Report* (Canada: Agriculture and Agri-Food Canada (AAFC), 2006).
- Aḥmad Ṣubḥī Aḥmad Muṣṭafā al-‘Iyadī, *al-Amn al-Ghizā’ī fī al-Islām* (Amman: Dār al-Nafāis, 1999).
- Al-Bukhārī, ‘Abd Allah Muḥammad Ismā‘il, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min ḥadīth Rasul Allāh wa Sunanuhu wa Ayyāmuhi* (Qaherah: al-Maktabah as-Salafiyyah, 1400M).
- Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 4 vols., 1985).
- Al-Syāfi’ī, Muhammad bin Idrīs, *al-Umm* (Beirut: Dār Ibn Jazm, 8 vols., 2005).

- Anthony H. Chisholm and Rodney Tyers, 'Food Security: An Introduction and Overview', *Food Security: Theory, Policy and Perspective From Asia and The Pacific Rim* (ed. Anthony H. Chisholm; Toronto: Lexingtonbooks, D.C. Heath and Company, 1982).
- Asmak Ab Rahman, 'Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah', *Jurnal Syariah*, 17/2 (2009): 299-326.
- Cecilia Rocha, 'Food Security as Market Failure: A Contribution from Economics', <http://www.ryerson.co/foodsecurity/publication/papers/foodinsecuritymarketfailure.pdf>, 12 Februari 2010.
- 'Dasar Pertanian Negara Ketiga', Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 20 Ogos 2009: <http://www.moa.gov.my/dpn>.
- 'Dasar Pertanian Negara Ketiga', Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 20 Ogos 2009: <http://www.moa.gov.my/dpn>.
- 'Food Security', Food Agriculture Organisation (FAO), 23 Mac 2009: ftp://ftp.fao.org/es/ESA/policybriefs/pb_02.pdf.
- 'Hunger Statistics', Food Agriculture Organisation (FAO), 4 Ogos 2010: <http://www.fao.org/hunger/en/>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), http://www.halal.gov.my/ehalal/index.php?ty=content_view&id=PRO20100117095910&type=PRO, 20 April 2011.
- Hakimah Mohd Yusoff Halal, *Certification Scheme, Standards and Quality News: Standardisation for Halal Food* (Selangor: Sirim Berhad, 2004).
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), *Perangkaan Pertanian 2008* (Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2008).
- Kementerian Pertanian Malaysia, *Dasar Pertanian Negara 1992-2010* (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, 1993).
- Kementerian Pertanian Malaysia, *Dasar Pertanian Negara* (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, 1985).
- Kementerian Pertanian Malaysia, *Pertanian dalam al-Quran: Satu Tinjauan Ringkas* (Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, 1993).
- Khurshid Ahmad, 'Economic Development in an Islamic Framework' *Studies in Islamic Economics* (ed. Khurshid Ahmad; Leicester: The Islamic Foundation, 1981).
- Lester R. Brown & Eric P. Eckholm, *Krisis Makanan* (transl. Abdul Wahid Ghazali; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).
- Malaysia, *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995* (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991).

- ‘Manfaat Peluang Industri Halal’, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), 20 Julai 2010: http://www.punb.com.my/index.php?ch=bm_med&pg=bm_med_news&ac=218.
- Muhammad Hisyam Mohamad, ‘Krisis Makanan Dunia dan Jaminan Makanan’ *Majalah Kefahaman Islam (VISI)* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, Bil. 88, 2008).
- Muslim, al-Imām Abī al-Husayn al-Muslim bin al-Ḥujāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Fikr, 8 vols., n.d.).
- Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajī, *al-Fiqh al-Manhajī ‘Alā Madhhab al-Imām al-Syāfi‘ī* (Syria: Dār al-‘Ulum al-Insāniyyah, 8 vols., 1996)
- Nor Aini Idris, ‘Ke Arah Halal Hab Dunia: Cabaran AFTA’, dalam Nor Aini Idris et.al., *Malaysia ke Arah Hab Makanan Halal Dunia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 22-23.
- Norhasmah Sulaiman, ‘Food Security: Concepts and Definition’, *Journal of Community Health 2010*, 16/2 (2004): 119-120. [http://www.communityhealthjournal.org/pdf/Vol16\(2\)-Norhasmah.pdf](http://www.communityhealthjournal.org/pdf/Vol16(2)-Norhasmah.pdf), 15 Februari 2011.
- Parikh, K.S and W. Tims, ‘Food Consumption, Dietary Status and Chronic Hunger: An Assessment of its Extent and Policy Options’, *Proceeding of World Food Conference Food and Agricultural Policies and Programs of Major Countries and Regions* (1989).
- ‘Projek Terminal Makanan Negara’, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), 20 Julai 2010: http://www.famaxchange.org/web/guest/teman?p_p_id=56_INSTANCE_EUDp&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=content&p_p_col_count=1&page=1.
- Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005* (Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, 2001).
- Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005* (Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, 2001).
- Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010* (Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, 2006).